



Pelajar UMS disaran sertai bengkel kemahiran grafik

4B 10.6.2016 A6

KOTAKINABALU: Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran agar aktif menyertai pelbagai bengkel terutamanya melibatkan kemahiran grafik supaya dapat meningkatkan kemahiran insaniah (soft skill) dalam diri masing-masing.

Dekan Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW) Profesor Datuk Mohd Hamdan Adnan berkata beliau sentiasa

memberi sokongan padu dan galakan kepada bakal graduan agar dapat memartabatkan industri kemahiran grafik di negara ini.

“Saya berkeyakinan penuh dan optimis bahawa program sebegini dapat membawa mesej yang jelas kepada masyarakat khususnya kepada para pelajar yang berminat dalam bidang grafik.

“Perkembangan ini akan dapat memartabatkan lagi

kedudukan UMS sebagai salah satu institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mendukung penuh aktiviti kesenian dan prihatin terhadap perkembangan kemahiran dan kesenian di Sabah,” katanya ketika berucap merasmikan Bengkel Asas Photoshop, di sini baru-baru ini.

Terdahulu, seramai 20 orang menyertai Bengkel Asas Photoshop yang diadakan di

Makmal IMAC2, Blok Sains Sosial berdekatan fakulti berkenaan.

Bengkel yang berlangsung selama sehari bermula jam 8 pagi hingga 3 petang itu dikendalikan oleh para pelajar tahun 1 Seni Kreatif, FKSW dengan kerjasama Unit Grafik dan Animasi UMS.

Peserta bengkel diberikan peluang mempelajari teknik editing foto dan banyak lagi berkaitan bidang grafik.

HAMDAN (duduk, tengah) bersama pihak penganjur dan peserta merakam gambar kenangan semasa bengkel berkenaan.